

SIDANG MEDIA PROGRAM ALLIED AGAINST DENGUE RUN 2017

Sidang Media Program Allied Against Dengue Run 2017 telah diadakan pada 6 September 2017. Sidang media yang dijalankan bertujuan memberi info terkini berkenaan masalah denggi selain memperkenalkan rakan kongsi program yang bersama-sama dalam menjayakan larian ini. Program Allied Against Dengue Run 2017 yang akan berlangsung pada 17.09.2017 dianjurkan oleh Glaxosmithkline (GSK) dengan kerjasama MySihat, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Guardian, Caring, UCSI, Health Today, Persatuan Farmasi Malaysia, Apex Pharma dan lain-lain.





